



Ruj. Kami :Bil (33)dlm.MKAJB: 400-3/1/1 Jld. 4

Tarikh : 10 April 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan /Puan,

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA PELUPUSAN KENDERAAN
JABATAN (NISSAN X TRAIL) JLV 5809 DI MAKMAL KESIHATAN AWAM
JOHOR BAHRU (JUALAN SEBUTHARGA)
NO SEBUTHARGA : MKAJB/SH/PGRSN/02/2023**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas

2. Dimaklumkan bahawa Makmal Kesihatan Awam Johor Bahru telah membuka tawaran sebut harga bagi Pelupusan Kenderaan secara Jualan Sebutharga. Justeru itu bagi yang berminat menyertai tawaran sebutharga tersebut boleh melihat aset berkenaan pada ketetapan berikut:-

Tarikh : 12.04.2023 – 02.05.2023 (kecuali Jumaat, Sabtu dan Cuti Umum)

Masa : 10.00 pagi – 4.00 petang

Lokasi: Parkir Kenderaan Jabatan, Makmal Kesihatan Awam Johor Bharu

3. Sehubungan itu, mohon tuan/puan untuk mempamerkan Kenyataan Tawaran Sebutharga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (Kew PA 27) di papan kenyataan jabatan tuan/puan manakal borang Sebutharga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (Kew PA. 28) akan diberikan kepada yang berminat menyertai Tawaran Sebutharga tersebut.

3. Bersama-sama ini disertakan dokumen KEW PA-27 dan Kew PA 28 untuk perhatian dan tindakan pihak tuan/puan selanjutnya. Sebarang pertanyaan boleh hubungi Puan Latipah binti Halim di talian 07-238 7162 samb.1013

Sekian terima kasih

“MALAYSIA MADANI”

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DR.YUSMAH BINTI MUHAMAD) MMC : 28148
Pakar Perubatan Kesihatan Awam Gred UD56
Pengarah Makmal Kesihatan Awam
Johor Bahru

KEW.PA-27

No. Sebut harga :

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH**

Kementerian atau Jabatan:

SEKSYEN PENGURUSAN

MAKMAL KESIHATAN AWAM JOHOR BAHRU

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	*Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	PACUAN 4 RODA (4X4) NISSAN XTRAIL	JLV 5809	1	RM 9,500.00
2.				
3.				

* Nota : Bagi yang berkaitan sahaja.

2. Aset boleh dilihat pada 12.04.2023 dan/hingga 02.05.2023 di antara jam 10:00 PAGI hingga 4:00 PETANG (HARI BEKERJA SAHAJA) di MAKMAL KESIHATAN AWAM JOHOR BAHRU, JALAN PERSIARAN TANJUNG, TAMPOI, 81200, JOHOR BAHRU, JOHOR.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperoleh di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga MAKJBSHPGRSM/02/2023 dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-
MAKMAL KESIHATAN AWAM JOHOR BAHRU,
JALAN PERSIARAN TANJUNG, TAMPOI,
81200, JOHOR BAHRU,
JOHOR.
5. Tarikh tutup sebut harga pada 02.05.2023 jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.


(Tandatangan Ketua Jabatan)

Alamat: MAKMAL KESIHATAN AWAM JOHOR BAHRU

Tarikh: 10.4.2023

Cap:

DR. YUSMAH BINTI MUHAMAD

No. MMC : 28148

Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Pegawai Makmal Kesihatan Awam Johor Bahru
M.S. 47/61

SYARAT DAN PERATURAN AM SEBUT HARGA KENDERAAN

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **Makmal Kesihatan Awam Johor Bahru**
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as-is- where-is basis).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (dismantle), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.

SYARAT DAN PERATURAN TAMBAHAN SEBUT HARGA JABATAN

9. Penyebut harga boleh mengemukakan sebarang nilai tawaran walapun kurang melebihi 70% daripada harga simpanan. Walau bagaimanapun pemilihan penyebut harga yang berjaya adalah tertakluk kepada nilai tawaran yang tertinggi dan kelulusan Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga Jabatan
10. Pembeli yang berjaya bertanggungjawab :-
 - a) Sebelum membawa keluar kenderaan dari Jabatan :-
 - i. Menanggalkan/memadamkan nama jabatan pada badan kenderaan
 - ii. Menanggalkan Lesen Kenderaan Motor (LKM) yang masih berkuatkuasa dan menyerahkan kepada jabatan;
 - b) Mengurus dengan segera penukaran hak milik dan status kenderaan yang melibatkan pembaikan, pemeriksaan PUSPAKOM dan urusan di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta melapor status pelaksanaan kepada jabatan;
 - c) Menguruskan dan menjelaskan sepenuhnya duti/cukai yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Kastam Di Raja Malaysia (JKDM) sekiranya tidak mendapat pengecualian;
 - d) Menanggung segala kos yang terlibat bagi perkara 1) hingga 10 c)

Nota : Syarat-syarat sebutharga boleh dipinda mengikut keperluan Kementerian/Jabatan

BORANG SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH

Nama individu/ Syarikat :

No Kad Pengenalan/ Pendaftaran Syarikat :

Alamat :

Kepada,

**PENGARAH
MAKMAL KESIHATAN AWAM JOHOR BAHRU
JALAN PERSIARAN TANJUNG, TAMPOI
81200 JOHOR BAHRU
JOHOR DARUL TAKZIM**

Tuan,

Tawaran Untuk Sebut Harga NO. MKAJB/SH/PGRSN/02/2023

Merujuk kepada perkara di atas, saya / syarikat berminat menyertai sebut harga tersebut

2. Tawaran saya/ syarikat adalah seperti berikut :-

Bil	Keterangan aset	kuantiti	Harga tawaran (RM)	Deposit Sebut Harga
1.	Kenderaan Pacuan Empat Roda Nissan X Trail (NO. Pendaftaran : JLV 5809)	1		

3. Bersama-sama ini disertakan deposit Sebut harga (sebanyak 5% daripada harga tawaran aset di atas atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah) yang bernilai RM _____ (Ringgit Malaysia : _____) dalam bentuk Wang Pos/ Draf Bank. NO _____ atas nama Pengarah Makmal Kesihatan Awam Johor Bahru

4. Saya/ syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian terima kasih.

Tandatangan :

Tarikh :

Cap syarikat :

Sebutarga NO :MKAJB/SH/PGRSN/02/2023

**Pacuan Empat Roda
Nissan X-Trail 2.5L (Solid)
No Pendaftaran : JLV 5809**

